



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.3 (4)

Tarikh : 29 April 2021

Bersamaan : 17 Ramadan 1442H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab di bawah
Kerajaan Negeri Melaka
(*Seperti Senarai Edaran*)

YB Datuk/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.4 TAHUN 2021 BAYARAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI (BKA)TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) pada 28 April 2021 telah bersetuju meluluskan Pemberian Bantuan Kewangan Aidilfitri (BKA) Tahun 2021 kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Surat Arahan Operasi ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JKMM, no. Rujukan : JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(31) bertarikh 29 April 2021.

3. MMKN melalui **Risalat MMKN P.14 9B/15/2021** bersetuju untuk meluluskan BKA Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2021 diberikan kepada pegawai yang layak seperti berikut :

- i) Semua Penjawat Awam Negeri Melaka di semua gred, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service* dan *contract for service*;
- ii) Kakitangan di Pejabat YB Ahli MMKN, YB ADUN di Japerun dan Pegawai Penyelaras DUN;
- iii) Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka, Pemandu yang dilantik sendiri oleh Pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya dan pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran

dengan syarat bahawa pegawai yang masih berkhidmat sehingga 6 Mei 2021 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;



4. BKA Tahun 2021 ini **tidak dipanjangkan** kepada :-

- i) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021;
 - ii) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021; dan
 - iii) Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 6 Mei 2021.
5. Pesara yang dilantik semula secara Contract Of service dan masih berkhidmat pada 6 Mei 2021 layak diberi BKA Tahun 2021 di mana RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan **bakinya** akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
6. Pembayaran BKA bersamaan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 akan dibayar **pada tarikh pembayaran gaji Mei 2021**.
7. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak YBhg.Datuk/Tuan/Puan adalah diperlukan untuk mematuhi tatacara pembayaran yang ditetapkan.
8. Berikut adalah tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi:-

9.1 **Bayaran BKA Tahun 2021** – Bayaran pertama iaitu selewat-lewatnya pada 6 Mei 2021:-

9.1.1 Melalui *Payroll*

- i) Jabatan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat bantuan khas di sistem iSPEKS melalui:-
 - **Modul Gaji**
 - **Proses Bonus/Bantuan Khas/Premium/APC**
 - **Kemaskini Maklumat Bonus/ Bantuan Khas/ Premium/APC**
- ii) Kemaskini dengan memastikan nama pegawai yang layak dan amaun yang perlu dibayar. Kelayakan pegawai perlu dirujuk kepada surat edaran JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(31) bertarikh 29 April 2021.
- iii) Pengemaskinian maklumat perlu dibuat oleh PTJ **selewat-lewatnya pada 29 April 2021 (Khamis) sebelum jam 2.30 petang**.
- iv) Cetak Laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) yang telah diedit 2 salinan dan **disahkan** oleh Ketua Jabatan. Satu

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.

.....
(Tandatangan, Nama & Cop Jabatan)

9.1.2 Melalui Baucar Berasingan

- i) Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan G004, bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem iSPEKS selewat-lewatnya pada 5 Mei 2021 (Rabu)** dan bayaran akan diproses selewat-lewatnya sebelum Hari Raya Aidil Fitri. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKA 2021 – ”nama pegawai”**. Contoh: **BKA 2021 – Sallehuddin Bin Aziz**.

9. Sebarang **bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik dan dibuat pelarasan pada bulan Jun 2021** mengikut arahan berkuatkuasa.
10. Bagi tujuan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2021 ini, semua jabatan/PTJ dikehendaki menyediakan Kew.8 (manual) dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai yang berkenaan. Bagi bayaran melalui Baucar berasingan, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut. Sebarang kemusykilan mengenai kelayakan penerima BKK perlu dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mengikut isu yang berbangkit.
11. Surat arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung tatacara bayaran di atas, sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/298/802**.

Sekian terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Kewangan Negeri

